

237 taska di KL, Putrajaya tiada lesen

KOSMO 12/7/2011 12.

Oleh ZULKIFLI MANZOR

zulkifli.manzor@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Ibu bapa dinasihatkan agar lebih berhati-hati semasa menghantar anak ke taman asuhan kanak-kanak (taska) kerana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kuala Lumpur mendapati sebanyak 237 taska di sekitar ibu negara dan Putrajaya beroperasi tanpa lesen.

Pengarah JKM Wilayah Persekutuan, Noormah Datuk Abdul Rauf (**gambar**) berkata, berdasarkan rekod cuma 30 daripada 285 taska yang beroperasi di Kuala Lumpur dan Putrajaya telah berdaftar dengan JKM manakala 18 lagi dalam proses pendaftaran.

"Kita meminta ibu bapa periksa dahulu sama ada taska yang mereka pilih untuk anak-anak berdaftar dengan JKM atau tidak. Biasanya mereka tidak akan periksa dan apabila ada kejadian tidak baik menimpa anak mereka seperti kematian baru mereka datang kepada kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis ramah mesra



NOORMAH (kanan) bersama bekas pelajar AF iaitu Fitri, Anding dan Edlin meraikan kanak-kanak pada majlis ramah mesra di Kuala Lumpur semalam.

artis *Akademi Fantasia* (AF) dan media sempena karnival Jom Daftar Orang Kurang Upaya (OKU) dan Taska di sini semalam.

Karnival Jom Daftar OKU dan Taska akan berlangsung di padang Projek Perumahan Rakyat (PPR) Cochrane Perkasa di sini pada 24 Julai bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang.

Noormah berkata, pengusaha taska tanpa lesen juga perlu sedar mereka boleh dikenakan denda se-

banyak RM10,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali jika didakwa di mahkamah.

"Sempena karnival itu, kita akan menggiatkan kempen pemutihan bagi menggalakkan taska mendaftar dan kita juga akan melancarkan portal eZi2care pada 24 Julai ini bagi memudahkan pengendali taska membuat permohonan pendaftaran dengan JKM," tambahnya.

INFO kes taska

- **7 Julai 2011:** Bayi berusia empat bulan, Muhammad Daniel Haziq Mohd. Farid maut dipercayai tersedak susu di sebuah taska di Pasir Gudang, Johor.
- **11 Mac 2011:** Bayi berusia tiga bulan, Nur Alia Maisara Mohd. Idzwan mati tersedak susu ketika baru seminggu dijaga pengasuh sebuah taska di Presint 17, Putrajaya.
- **14 Oktober 2010:** Muhammad Firdaus Hakim yang berusia lima bulan menemui ajal dipercayai terjatuh akibat kecuaiannya pengasuh di Presint 14, Putrajaya.
- **20 September 2010:** Farisha Nur Hazreen Fairuz Mohammad berusia 3 bulan maut selepas tersedak susu dipercayai akibat kecuaiannya pengasuh di sebuah taska tidak berdaftar di Putrajaya.
- **20 Januari 2005:** Mikail Joaquim Abaidullah, lima bulan mati akibat cedera di kepala selepas terjatuh atau terhantuk dengan objek keras di sebuah taska di Gombak.

Sumber: Arkib Berita Kosmo!